



**Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn. Bhd**  
**(A Subsidiary of Golden Pharos Berhad)**

## **POLISI KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJA**

Adalah dengan ini syarikat sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya terhadap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan untuk semua kakitangan serta semua individu yang terlibat dengan aktiviti syarikat. Syarikat juga **BERTANGGUNGJAWAB** menjaga kebajikan terhadap keselamatan dan kesihatan kakitangannya dan menyediakan tempat kerja yang selamat selesa dan sesuai serta tidak terdedah kepada sebarang risiko terhadap keselamatan dan kesihatan.

Ini selaras dengan kehendak peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam **AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM PEKERJAAN (AKTA 514)**.

Dalam merealisasikan hasrat di atas, syarikat akan sentiasa memberi sokongan kepada program-program dan latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Syarikat juga akan menyemak dan mengemaskini polisi ini dari semasa ke semasa. **SEMUA PEKERJA DAN PENGURUSAN** sedia memberi kerjasama bagi memastikan semua program yang dirancang berjalan dengan lancar.

Perlu ditekan, semua individu mesti mempunyai kesedaran serta bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti syarikat dengan kaedah dan cara kerja yang selamat.

**“UTAMAKAN KESELAMATAN DUNIA DAN AKHIRAT”**

**( SUHAIRI BIN SULONG )**

**Pengurus Besar**  
**Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn Bhd**

TARIKH : 08 OKTOBER 2016